



KENYATAAN MEDIA
MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA TAHUN 2025
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

14 DISEMBER 2025 (AHAD) – Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan, Perbadanan Labuan telah menganjurkan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2025 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang julung kali diadakan di wilayah ini. Sambutan ini telah diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dan telah dirasmikan oleh Ybhg. Datuk TPr. Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Di peringkat kebangsaan, secara umumnya Hari Perancangan Bandar Sedunia disambut pada 8 November setiap tahun. Sambutan ini mula diperkenalkan oleh Profesor Carlos Maria della Paolera, seorang pensyarah dari Argentina pada 8 November 1949 di Buenos Aires, Argentina. Sejak tahun 1988, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri, telah menjadikan HPBS sebagai acara tahunan. Pada tahun 2025 ini, sambutan pada tahun ini merupakan kali ke-37 penganjurannya.

Secara zahirnya, Hari Perancangan Bandar Sedunia adalah merupakan hari yang istimewa buat semua pihak yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan bandar di seluruh dunia, khususnya kepada semua warga perancang bandar dan pengurus-pengurus bandar baik yang berkhidmat dalam sektor awam atau badan berkanun, badan professional, sektor swasta, institut pengajian tinggi dan di mana sahaja profession perancang bandar dan pihak berkepentingan dalam pembangunan bandar.

Pelbagai aktiviti sampingan telah dilaksanakan dengan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan bagi memeriahkan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia antaranya reruai pameran daripada pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia WP Labuan, Jabatan Kesihatan Negeri, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Jabatan Pertanian WP Labuan, Agensi Antidadah Kebangsaan, dan jabatan-jabatan dalaman Perbadanan Labuan serta penganjuran aktiviti berjalan sempena Hari Tanpa Kenderaan Labuan 4.0.

Tema sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia untuk tahun ini ialah “Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan untuk Rakyat”. Tema ini adalah amat bertepatan untuk menjadikan keterlibatan pihak berkepentingan atau penyertaan awam dalam menjayakan proses dua hala memperkukuh dasar dan hala tuju perancangan bandar bagi memastikan dasar dan pelaksanaannya benar-benar

mencerminkan aspirasi serta keperluan rakyat di peringkat akar umbi. Untuk tujuan ini, PLANMalaysia sedang sedang melaksanakan program turun padang bertujuan memberi penjelasan dan mendapatkan sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat agar kelulusan Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB) disegerakan demi pembangunan bandar yang sejahtera dan adil untuk semua. Oleh itu, penglibatan dan penyertaan semua lapisan masyarakat di kalangan profesional, ahli akademik, persatuan penduduk, NGO, PBT dan komuniti setempat adalah amat penting bagi memastikan kelulusan Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB) yang bermaruah dan berdaya laksana.

Dalam masa yang sama, sambutan kali ini disekalikan dengan majlis peluncuran Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan 2030. Pelan tindakan ini adalah sebagai satu instrumen yang menyokong teras, inisiatif, program dan hala tuju dinayatakan di dalam yang panduan strategik bagi pembangunan jangka panjang Wilayah Persekutuan Labuan. Visi “Labuan Sejahtera, Mampan dan Pintar” menjelang 2040 ditetapkan selari dengan pendekatan perancangan baharu yang memberi tumpuan kepada komuniti sebagai teras utama.

Tidak dapat dinafikan lagi peranan Perbadanan Labuan sebagai pihak berkuasa tempatan dalam memacu agenda pembangunan dan perancangan bandar Labuan. Hari Perancangan Bandar Sedunia adalah satu platform untuk semua pihak secara kolektif meraikan serta menghargai jasa bakti, sumbangan dan peranan perancang dan pengurus bandar dalam merancang pembangunan dan perancangan bandar serta tanda sokongan dan usaha berterusan bagi memperkasa profesion perancangan bandar negara.

Selamat menyambut HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2025.

Disediakan oleh:
JABATAN HAL EHWAL KORPORAT
PERBADANAN LABUAN